



# KIT HARI MINGGU KATEKATIKAL '22

Ketahui apa itu **Hari Minggu Katekatikal**  
dan bagaimana minggu ini bermula..... 1

Jemputlah anak-anak untuk berterima kasih  
kepada ibu bapa mereka secara istimewa dengan  
**Aktiviti Kotak Hadiah Berwarna** ..... 2

Jemputlah anak-anak untuk berterima kasih kepada  
katekis mereka secara istimewa dengan  
**Aktiviti Mewarna Sejambak Bunga**..... 3

Jemputlah para remaja untuk menghargai ibu bapa  
mereka dengan dedikasi dalam  
**Aktiviti Penghargaan untuk Ibu Bapa Saya**..... 4

**Doa untuk Keluarga** yang didoakan bersama..... 5

Lakukan **5 Cara Terbaik untuk  
Menyokong Keluarga Kita**..... 6

# Apa Itu Hari Minggu Katekatikal?

Hari Minggu Katekatikal bermula sebagai satu peluang bagi para katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memberikan semula komitmen mereka terhadap misi katekisis, dan merayakan serta memperkasakan panggilan mereka sebagai komuniti beriman. Perayaan Hari Minggu Katekatikal merupakan sebagai satu maklumbalas kepada dokumen yang telah dikeluarkan oleh Vatikan pada tahun 1935. *"Tentang Penjagaan yang lebih baik dan promosi Pendidikan Katekatikal"*. Dalam dokumen ini, terdapat satu panggilan untuk Gereja di seluruh dunia agar tidak hanya mengakui kepentingan pelayanan pengajaran ini, tetapi juga memberi penghargaan kepada para katekis, yang melayani komuniti Kristian.

## Bilakah Hari Minggu Katekatikal 2022 ?

Pada tahun ini, Hari Minggu Katekatikal akan dirayakan pada 30 Januari 2022!

## Apakah Tema pada Tahun ini ?

Tema pada tahun ini ialah: *"Kehidupan Keluarga: Sebuah Jalan Menuju Kekudusan"*. Anda dijemput untuk merenung lebih mendalam lagi akan tema ini dengan membaca *Pesanan Hari Minggu Katekatikal* yang telah disediakan oleh Komisi Katekatikal.


## Kit Hari Minggu Katekatikal Ini

Bahan-bahan dalam Kit Hari Minggu Katekatikal ini adalah untuk edaran dalaman dan kegunaan peribadi sahaja (bukan untuk tujuan komersial). Petikan sumber hak pencipta lain yang terdapat dalam isi kandungan bahan-bahan kit ini telah diakui penggunaannya.

Yang dikasihi,

\_\_\_\_\_

(nama ibu bapa)



Terima kasih kerana  
memberikan saya  
hadiah yang terbaik!

Dengan kasih dan  
penghargaan,

\_\_\_\_\_

(nama saya)

Yang dikasihi,

---

(nama katekis saya)



Dengan kasih dan penghargaan,

---

(nama saya)

# Menghargai Kedua Ibu bapa Saya pada Minggu Katekatikal

Pilih 1 (ataupun lebih) pilihan yang ada di bawah untuk menunjukkan penghargaan kepada ibu bapa kamu !

1. Tuliskan sebuah **doa** untuk ibu bapa kamu menggunakan ayat sendiri !
2. Kongsikan apa yang **diajar** oleh ibu bapa kamu tentang Tuhan !
3. Tuliskan sebuah pesanan yang menunjukkan kamu **menghargai** apa yang telah ibu bapa kamu lakukan dan masih lakukan untuk kamu ?
4. Apakah kamu **belajar** sesuatu yang kamu fikir penting ataupun istimewa daripada ibu bapa kamu? Kongsikan pada mereka

---

---

---

---

---

---

Dengan kasih dan penghargaan,

\_\_\_\_\_  
(nama saya)

# Doa untuk Keluarga



Pertemuan Keluarga yang Ke-10 bakal diadakan di Roma bermula daripada 22 hingga 26 Jun 2022. Dalam penyediaan untuk acara ini, Diosis Roma dan Vatican Dicastery for Laity, Family and Life, secara bersama telah menerbitkan doa rasmi yang demikian. Marilah kita berdoa bersama untuk keluarga kita.

*Bapa yang di syurga,*

*Kami datang kepada Mu untuk memuji dan bersyukur kepada-Mu atas berkat anugerah keluarga yang Kau beri kepada kami. Kami berdoa kepada-Mu, semoga semua keluarga diberkati melalui Sakramen Perkahwinan. Semoga mereka juga menemui semula anugerah yang mereka terima setiap hari, dan sebagai gereja domestik yang kecil, semoga mereka juga sedar akan kehadiran-Mu dan mencintai sesama seperti mana Kristus mencintai gerejaNya.*

*Kami berdoa kepada-MU untuk semua keluarga yang sedang dalam kesusahan dan penderitaan disebabkan penyakit ataupun apa jua keadaan yang hanya Engkau ketahui. Beri mereka kecekalan dan kesedaran akan jalan kekudusan yang mana, Kau memanggil mereka agar mereka mengalami belas kasihan-Mu yang tidak terhingga serta menemui jalan baharu untuk bertumbuh dalam kasih.*

*Kami berdoa juga kepada-Mu untuk kanak-kanak dan orang muda: semoga mereka mengalami Engkau sendiri dan menjawab panggilan yang Kau berikan kepada mereka dengan hati yang terbuka.*

*Kami juga berdoa bagi ibu, bapa, datuk dan nenek: semoga mereka diberikan kesedaran bahawa mereka adalah suri teladan untuk contoh kebapaan dan keibuan seperti Tuhan yang mengasihi anak-anaknya, yang di dalam tubuh dan roh, telah Kau amanahkan kepada mereka: dan juga untuk pengalaman kasih persaudaraan dalam keluarga yang dapt mereka berikan kepada dunia.*

*Allah Bapa, anugerahilah setiap keluarga kekuatan untuk menghidupi panggilan mereka menuju kekudusan dalam Gereja sebagai misionari, untuk pelayanan kehidupan dan kedamaian, bagi persekutuan dengan paderi, religius dan setiap panggilan yang ada dalam gereja.*

*Berkatilah Pertemuan Para Keluarga di Dunia*

*Amin.*



# 5 Langkah Terbaik untuk Menyokong Keluarga Kita

Tahun ini, kita akan merayakan Hari Minggu Katekatikal pada hari Ahad, 30 Januari. Pandemi COVID-19 telah menyebabkan banyak keluarga menderita dalam pelbagai aspek. Seiring dengan tema kita untuk tahun ini – “Kehidupan Keluarga : Sebuah Jalan Menuju Kekudusan” ( 1 Kor 12:12). Marilah kita bersama-sama memberikan sokongan kepada keluarga kita dalam apa jua cara. Di bawah ini kamu akan dapat melihat beberapa idea untuk menyokong keluarga orang lain seperti keluarga kamu sendiri. Marilah dengan sepenuh hati, kita bersama-sama mengatasi kesukaran sebagai satu keluarga!

## 1. SEBAGAI KATEKIS

Pada waktu yang lalu, katekismus secara bertemu muka menjadikan paroki sebagai konteks persekitaran utamanya. Oleh kerana konteks ini telah berubah menjadikan rumah dan keluarga sebagai konteks utama. Hal ini semestinya menjadikan lebih banyak usaha lain yang secara tidak langsung tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sebagai katekis, kita boleh menyokong keluarga untuk kanak-kanak / remaja yang kita ajari dengan menghubungi mereka secara *individu*, dan *mengenal pasti pergumulan dan keperluan mereka*. Perubahan konteks persekitaran juga memperlihatkan sebuah peluang bagi kita, untuk merancang aktiviti yang *melibatkan keluarga* – mendorong perkembangan rohani untuk seluruh keluarga berbanding hanya seorang kanak-kanak / remaja yang telah kita bantu dalam katekismus mereka. Pendekatan secara peribadi untuk memberikan katekismus adalah dengann menggunakan sifat Tuhan yang *intim* dan *komunal*.



## 2. SEBAGAI PADERI PAROKI ATAUPUN KOORDINATOR KATEKATIKAL

Para paderi paroki dan koordinator mempunyai peranan yang unik iaitu mereka boleh membuat *kesimpulan*, *berkomunikasi* dan *berkolaborasi*. Gambaran keseluruhan membantu kita untuk mengenal pasti pergumulan, keperluan dan amalan terbaik katekis dan keluarga yang ada dalam paroki kita. Kita juga dapat memanfaatkan jaringan kenalan kita sebagai usaha untuk mengongsikan apa yang berhasil untuk paroki kita, dan seterusnya kita juga boleh meneladani paroki lain bagi membantu kita. Komunikasi berkesan antara paderi, koordinator katekatikal dengan koordinator dan ketua katekatikal dalam lingkungan keuskupan, adalah penting untuk adaptasi serta pertumbuhan komiti / paroki. Sebagai anggota dalam satu tubuh Kristus ( 1 Kor 12:12 ), marilah kita bersama-sama untuk mencapai potensi tertinggi kita, serta membantu mereka yang memerlukan dengan segala cara yang dapat kita lakukan.



### 3. SEBAGAI ANGGOTA PAROKI

Sebagai anggota paroki, kita dipanggil untuk berjalan bersama dalam cabaran yang dihadapi oleh saudara dan saudari kita, serta bagi keluarga yang terkesan dalam pelbagai aspek disebabkan pandemik COVID-19. Apabila membicarakan tentang pembentukan rohani di rumah, adakah kita juga mempunyai cara-cara khusus untuk membantu keluarga kita? Mengapakah tidak kita kongsi pengalaman itu dengan keluarga lain? Adakah kita mungkin telah membuat sesuatu, ataupun menemui sumber yang mungkin digunakan khusus bagi katekis? Mengapa tidak kita mengongsi hal ini juga? Jangan takut untuk menjangkau bagi membina jambatan kesatuan dalam komuniti kita. Marilah kita memupuk semangat kesatuan dalam paroki kita, dan secara aktif melawan semangat ketidakpedulian dan kejahilan, dengan saling memikirkan tentang sesama pada masa ini!



### 4. SEBAGAI PENANGGUNG

Sebagai penanggung, kita telah mengambil bahagian dan menjadi tanggungjawab kita untuk mendukung mereka yang kita tanggung dalam menghidupi kehidupan Kristian. Pandemik ini telah memperlihatkan pentingnya peranan sebagai seorang penanggung, iaitu kita dapat menyediakan sokongan melalui doa serta cara-cara yang lain. Kita sebagai penanggung juga harus ingat bahawa kita merupakan wakil untuk komuniti yang lebih besar sebagai umat beriman. *"...berdiri sebagai jaminan iman kepada calon dan keinginan untuk persekutuan gereja"* (.98, Directory For The Application Of Principles And Norms On Ecumenism). Dalam usaha menyokong keluarga-keluarga lain dalam paroki mungkin kelihatan menakutkan namun sebagai penanggung, marilah kita terus berusaha untuk memberikan sokongan kepada mereka yang telah kita tanggung. Hal yang dapat kita lakukan adalah dengan membawa mereka dalam doa kita serta memeriksa perkembangan iman katekisis mereka. Mungkin kita juga boleh membantu dengan sumber-sumber yang berkaitan dengan katekismus ataupun mendengarkan mereka. Marilah kita menggunakan peluang-peluang yang ada untuk menghubungkan kita antara satu sama lain sebagai satu tubuh dalam Kristus!



### 5. APAKAH YANG DAPAT SAYA LAKUKAN UNTUK KELUARGA SAYA ?

Pandemik Covid-19 telah banyak memberikan kesan kepada banyak keluarga. Bagi sesetengah daripada kita, keutamaan kita mungkin sahaja telah menyebabkan kita mengabaikan pembentukan iman anak-anak dan juga para remaja kita. Meskipun kita tidak bermaksud demikian, namun ada diantara kita yang merasa bingung dengan semua tanggungjawab yang dipikul tambahan lagi pada waktu yang mencabar ini. Walau bagaimanapun, janganlah berputus asa terutamanya sebagai ibu bapa. Ibu bapa boleh menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan menunjukkan cara hidup yang sederhana. Pada musim Minggu Katekatikal ini, mari kita merenungkan dan menyoal soalan ini kepada diri kita sendiri, *"Bagaimana kehidupan saya saat ini dapat mempengaruhi anak-anak/remaja saya dalam iman mereka, dan apakah ada perkara yang masih boleh diperbaiki lagi?"*



## PENGHARGAAN

Ilustrasi: Eleonora Kendra (<https://bit.ly/2Ya56yD>)  
Fon: Awkward Handwriting (Pradipta Creative), Gafata (Lautaro Hourcade), Metropolis (Chris Simpson) & Sunn Line Free (WildTYPE Design)

Aktiviti Muka Surat 2 (Anugerah & Yesus): <https://bit.ly/3i1yjVH> & <https://bit.ly/3APKE7Q>  
Aktiviti Muka Surat 3 (Karangan): <https://bit.ly/3ecWlq7>

Terjemahan (Iban): Anonymous  
Terjemahan (Mandarin): Mary Huang  
Terjemahan (Tamil): Josephine Bosco  
Terjemahan (Bahasa Malaysia): Wiena Francisca Tony

Disusun oleh: National Catechetical Office